

## ARAHAN MENDUDUKI UJIAN APTITUD APEL.A (SECARA DALAM TALIAN)

### PUSAT PENILAIAN APEL UKM

1. Calon dikehendaki membuka kamera 30 minit sebelum ujian bermula bagi tujuan pengawasan PPA UKM.
2. Sesi ujian akan dirakam bagi tujuan audit.
3. Calon dikehendaki menggunakan nama seperti dalam kad pengenalan untuk mendaftar masuk ke pautan *zoom* yang disediakan oleh PPA UKM bagi tujuan pengesahan kehadiran calon.
4. Calon dikehendaki mengisi borang pengesahan kehadiran yang akan diedarkan kepada calon 30 minit sebelum ujian bermula.
5. Urusetia melakukan pengesahan nama calon bagi memastikan calon yang akan menduduki ujian adalah seperti dalam rekod pendaftaran PPA UKM.
6. Calon hendaklah menyemak bahawa portal penilaian pada Sistem Pengurusan Pembelajaran (*LMS*) yang didaftar adalah mengikut tahap pengajian yang dimohon.
7. Telefon bimbit, alat komunikasi, buku dan nota tidak dibenarkan dibawa masuk sepanjang ujian berlangsung.
8. Calon dibenarkan untuk menggunakan kalkulator saintifik sahaja.
9. Calon hendaklah berada di bilik tertutup tanpa kehadiran individu lain dan memastikan audio berada dalam mod senyap bagi mengelakkan gangguan kepada calon lain.
10. Sepanjang ujian berlangsung, calon tidak dibenarkan bertanyakan soalan bagi mengelakkan gangguan kepada calon lain. Calon yang mempunyai urusan kecemasan sahaja boleh berhubung dengan urusetia semasa tempoh penilaian melalui "*private chatbox di platform zoom*".
11. Calon tidak dibenarkan keluar dalam tempoh 30 minit selepas peperiksaan bermula dan 15 minit sebelum peperiksaan tamat.
12. Bagi calon yang telah selesai menjawab soalan sebelum masa ujian tamat, calon boleh meninggalkan sesi ujian.

#### **PENTING:**

- 1) **Sebarang masalah teknikal semasa menduduki ujian adalah di bawah tanggungjawab calon. Pihak PPA UKM tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku masalah teknikal pada pihak calon sewaktu ujian sedang berlangsung.**
- 2) **Sekiranya PPA UKM mendapati gerak-geri calon mencurigakan dan sekiranya calon didapati meniru sewaktu ujian, pihak PPA UKM berhak untuk membatalkan penilaian calon.**